



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT, SOLAT FARDU LIMA
WAKTU DAN AKTIVITI PENGIMARAHAN DI MASJID,
SURAU JUMAAT DAN SURAU WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN**

**EDISI KEMASKINI
7 FEBRUARI 2021**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk dijadikan rujukan kepada anggota jawatankuasa (AJK) masjid, surau Jumaat dan surau serta para jemaah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardu lima waktu agar pelaksanaannya memenuhi tatacara yang ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** telah bertitah yang dizahirkan melalui warkah Istana Negara bertarikh 4 Februari 2021 seperti berikut:

- 2.1.1 Dibenarkan melaksanakan solat Jumaat mengikut **separuh** daripada kapasiti sebenar masjid, surau Jumaat dan surau dengan **penjarakan 1.5 meter**;
- 2.1.2 Dibenarkan melaksanakan solat fardu lima waktu mengikut kapasiti **separuh** daripada dewan solat utama masjid, surau Jumaat dan surau dengan **penjarakan 1.5 meter**;
- 2.1.3 Dibenarkan tazkirah sebelum solat Jumaat selama 30 minit di masjid, surau Jumaat dan surau yang diberi kebenaran khas untuk solat Jumaat.

2.2 Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID-19, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menyediakan prosedur operasi standard (SOP) untuk dilaksana oleh pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan.

3. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan untuk mencapai objektif berikut:

- 3.1 Menyediakan panduan spesifik dan komprehensif untuk pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau serta pegawai masjid dalam menguruskan pelaksanaan solat fardu Jumaat dan solat fardu.
- 3.2 Memastikan kebenaran solat fardu Jumaat dan solat fardu lima waktu di masjid, surau Jumaat dan surau dapat dilaksanakan secara selamat,

teratur dan terkawal.

4. KAWALAN PENCEGAHAN

4.1 Bilangan Jemaah

Bilangan jemaah bagi pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardu lima waktu adalah ditetapkan seperti berikut:

4.1.1 Solat Jumaat

4.1.1.1 Semua masjid, surau Jumaat dan surau yang telah diberikan kebenaran khas untuk diri Jumaat, **dibenarkan** melaksanakan solat Jumaat dengan kapasiti **separuh daripada kapasiti sebenar masjid dan surau Jumaat dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.**

4.1.1.2 Sekiranya sesebuah masjid boleh memuatkan seramai 1000 orang pada satu-satu masa dengan **penjarakan 1.5 meter**, separuh daripada jumlah tersebut iaitu 500 orang adalah dibenarkan solat Jumaat.

4.1.2 Solat fardu lima waktu

Solat fardu lima waktu berjemaah di semua masjid, surau Jumaat dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan, dibenarkan **kepada separuh daripada kapasiti dewan solat utama masjid, surau Jumaat dan surau dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.**

4.2 Kehadiran jemaah

4.2.1 Kehadiran untuk solat fardu lima waktu dibenarkan kepada jemaah **lelaki dan wanita** tanpa ketetapan had umur maksimum.

4.2.2 Bilangan jemaah wanita dihadkan kepada separuh ruang solat wanita dengan penjarakan 1.5 meter.

4.2.3 Had umur minimum bagi kehadiran solat fardu lima waktu dan solat Jumaat ialah **lapan (8) tahun.**

- 4.2.4 Kehadiran solat Jumaat dibenarkan kepada **warganegara Malaysia** sahaja. Walau bagaimanapun, pegawai dan kakitangan kedutaan negara asing dibenarkan hadir untuk solat Jumaat.
- 4.2.5 Pemastautin Tetap (PR) yang dikenalpasti tempat tinggalnya dan melazimi solat berjemaah di masjid, surau Jumaat dan surau juga dibenarkan.
- 4.2.6 Jemaah yang mempunyai gejala seperti batuk, sakit tekak, selesema, sesak nafas, suhu badan melebihi 37.5°C dan penyakit kronik **tidak dibenarkan**.

4.3 **Laungan azan**

Laungan azan solat fardu lima waktu hendaklah **diteruskan** seperti biasa menggunakan pembesar suara luar.

4.4 **Aktiviti pengimarah**

4.4.1 **Kuliah dan Tazkirah**

- 4.4.1.1 Semua masjid, surau Jumaat dan surau yang diberikan kebenaran khas untuk diri Jumaat, **dibenarkan mengadakan tazkirah sebelum solat Jumaat bagi tempoh tidak melebihi 30 minit**.
- 4.4.1.2 Penganjuran aktiviti-aktiviti pengimarah lain seperti kuliah Maghrib, kuliah Subuh, kuliah Dhuha masih **ditangguhkan**.
- 4.4.1.3 Aktiviti pengimarah seperti kuliah, ceramah dan seumpamanya boleh dilaksanakan secara dalam talian atau *FB live* yang dibuat di kediaman penceramah dan dikongsikan kepada ahli kariah.

4.4.2 **Program Wilayah Persekutuan Bermunajat**

Semua masjid, surau Jumaat dan surau dikehendaki melaksanakan **Program Wilayah Persekutuan Bermunajat setiap hari** selepas solat Maghrib sepanjang PKP dikuatkuasakan. Jemaah yang hadir solat fardu Maghrib boleh

menyertai zikir munajat di tempat solatnya sehingga solat Isya' didirikan.

4.4.3 Solat Hajat dan Doa Munajat

Semua masjid, surau Jumaat dan surau dikehendaki melaksanakan **Solat Hajat dan Doa Munajat selepas solat Jumaat pada setiap Jumaat** sepanjang PKP dikuatkuasakan.

4.5 Pengurusan jenazah

4.5.1 Pengurusan jenazah yang melibatkan kematian bukan COVID-19 adalah **dibenarkan** dilakukan di masjid, surau Jumaat atau surau.

4.5.2 Had bilangan kehadiran dibenarkan adalah seperti berikut:

4.5.2.1 Mandi dan kafan

Tidak melebihi lima (5) orang.

4.5.2.2 Solat jenazah

Solat jenazah dibenarkan kepada separuh daripada kapasiti dewan solat utama masjid, surau Jumaat dan surau tetapi **tidak melebihi 50 orang jemaah** dengan penjarakan fizikal 1.5 meter.

4.5.3 Kehadiran ahli keluarga terdekat dihadkan **tidak melebihi 10 orang**, tidak termasuk petugas pengurusan jenazah.

4.6 Kemudahan solat untuk musafir

4.6.1 Pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau hendaklah menyediakan **ruangan khas solat** bagi musafir; lelaki dan perempuan.

4.6.2 Laluan khas masuk (akses) hendaklah disediakan.

4.6.3 Notis makluman kedudukan laluan khas **hendaklah ditampal** di pintu utama masjid, surau Jumaat dan surau sebagai panduan kepada musafir.

- 4.6.4 Jemaah selain musafir seperti pemandu teksi, pemandu *e-hailing*, penghantar makanan, penghantar barang atau sesiapa yang berkeperluan mengikut budi bicara anggota jawatankuasa **turut dibenarkan** menggunakan kemudahan ruangan khas solat tersebut dan tiada had bilangan ditetapkan pada satu-satu masa melainkan apabila penjarakan fizikal dan kawalan keadaan menjadi sukar.
- 4.6.5 Pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau hendaklah memastikan SOP ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.
- 4.6.6 Kemudahan fasiliti masjid seperti tandas dan kawasan wuduk hendaklah dibuka.
- 4.6.7 Peralatan untuk solat hendaklah dibawa sendiri oleh jemaah terlibat. Perkongsian peralatan solat adalah tidak dibenarkan untuk mengurangkan risiko jangkitan.
- 4.6.8 Tidak menjadikan kemudahan yang diberi untuk tujuan lain yang tidak dibenarkan.

4.7 **Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan SOP**

- 4.7.1 **Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan SOP** di peringkat masjid, surau Jumaat dan surau hendaklah ditubuhkan oleh pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau dan digiatkan kefungsiannya.
- 4.7.2 Keanggotaan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan SOP **tidak melebihi lima (5) orang.**
- 4.7.3 Fungsi-fungsi Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan SOP adalah seperti berikut:
- i. Melaksana dan memantau pematuhan SOP yang ditetapkan;
 - ii. Membuat post mortem ke atas pematuhan SOP; dan
 - iii. Menyedia dan mengemukakan laporan pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardu lima waktu setiap hari kepada JAWI.

4.8 **Tanggungjawab pengurusan masjid, surau Jumaat dan surau**

- 4.8.1 Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi pemeriksaan suhu badan, perekodan kehadiran Jemaah dan sanitasi tangan;
- 4.8.2 Mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh jemaah;
- 4.8.3 Membuat penandaan jarak antara jemaah sekurang-kurangnya **1.5 meter**;
- 4.8.4 Menyediakan pensanitasi tangan dan memeriksa suhu badan;
- 4.8.5 Memastikan jemaah membuat pendaftaran menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon serta mengimbas suhu badan;
- 4.8.6 Menyediakan petugas yang mencukupi bagi membantu kawalan jemaah dan melibatkan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) jika perlu;
- 4.8.7 Mengehadkan penggunaan tandas mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa;
- 4.8.8 Menyediakan laluan masuk dan keluar; dan
- 4.8.9 Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wuduk.

4.9 **Tanggungjawab Jemaah**

- 4.9.1 **Membawa sejadah sendiri yang bersaiz standard**;
- 4.9.2 Berwuduk sebelum hadir ke masjid atau surau;
- 4.9.3 Wajib memakai pelitup muka;
- 4.9.4 Membuat pemeriksaan suhu badan di pintu masuk;
- 4.9.5 Membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera;

- 4.9.6 Menggunakan pensanitasi tangan ketika hadir dan pulang;
- 4.9.7 Mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal ketika masuk dan keluar;
- 4.9.8 Melaksanakan penjarakan fizikal di dalam dan luar masjid dan surau, sejauh 1.5 meter antara satu sama lain;
- 4.9.9 Elakkan bersalaman sesama yang hadir;
- 4.9.10 Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di masjid, surau Jumaat dan surau; dan
- 4.9.11 Meningkatkan kawalan sendiri.

4.10 **Penggunaan Pembesar Suara Luar**

Masjid, surau Jumaat dan surau yang telah diberikan kebenaran khas untuk diri Jumaat, boleh menggunakan pembesar suara luar untuk penyampaian tazkirah sebelum Jumaat, khutbah dan zikir bagi Program Wilayah Persekutuan Bermunajat.

5. **KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

- 5.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta merta hingga suatu ketetapan baharu dikeluarkan oleh Jabatan ini.
- 5.2 Garis Panduan ini terpakai bagi masjid, surau Jumaat dan surau Wilayah-Wilayah Persekutuan **tanpa mengambil kira status kategori zon.**
- 5.3 Garis panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

07 Februari 2021M
25 Jamadilakhir 1442H